

Ada kumpulan fanatik mirip Al-Arqam

KOTA BHARU 22 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, terdapat kumpulan fanatik di negara ini yang bergiat dalam bidang politik tidak kurang sama dengan kumpulan Al-Arqam yang diharamkan kerajaan.

Katanya, pengikut-pengikut kumpulan fanatik itu akan mengikut pemimpin mereka tanpa mempeduli sama ada pemimpin mereka memegang ajaran Islam yang betul ataupun tidak.

“Ini kerana yang utama bagi mereka ialah berada dalam kumpulan itu dan mereka akan turut sahaja pemimpin mereka secara membuta tuli,” katanya

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis ceramah perdana dan berbuka puasa bersama rakyat di Sekolah Menengah Kadok di sini petang ini.

Dr. Mahathir berkata, mereka sudah begitu taksub dengan kumpulan mereka sehingga mereka sanggup menerima apa saja yang diperkatakan oleh pemimpin mereka sama ada baik atau tidak baik.

Katanya, pemimpin-pemimpin kumpulan ini pada mulanya bercajak mengenai agama secara betul dan apabila mereka sudah mempengaruhi pengikut-pengikut mereka sehingga pengikut-pengikut mereka

sudah tidak lagi menyoal apa yang mereka perkatakan, maka pada masa itulah mereka pula beralih kepada hasrat mereka sebenarnya iaitu untuk merebut kuasa.

“Oleh kerana pengikut begitu fanatik sekali, maka pemimpin itu boleh mempengaruhi pengikut mereka membuat perkara-perkara yang dilarang oleh agama Islam,” tambahnya.

Sehubungan itu Perdana Menteri mengingatkan rakyat mesti elak daripada menyokong pemimpin atau kumpulan tanpa mengira sama ada benar atau tidak apa yang diperkatakan oleh pemimpin berkenaan.